

Headline	Peniaga jangan amal sistem kapitalis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	6	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	346 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,838
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,514



# Peniaga jangan amal sistem kapitalis

Oleh **MOHD. AINUDDIN ALIFF SALEHUDEN** dan **ABDUL RAZAK IDRIS**

**SHAH ALAM** 13 Dis. - Peniaga Melayu dan beragama Islam di negara ini diingatkan supaya tidak mengamalkan sistem perniagaan kapitalis kerana ia dibimbangi akan menjerat dan merosakkan umat.

Tokoh korporat, Tan Sri Muhammad Ali Hashim berkata, sistem kapitalis banyak mendorong kepada perkara negatif seperti gejala pantas mencantas, penipuan dan sebagainya semata-mata bagi meraih keuntungan maksimum untuk syarikat atau diri sendiri.

“Kita banyak belajar ilmu penguasaan daripada China kemudiannya Barat, seterusnya Jepun dan sebagainya. Banyak amalan bisnes mereka datang dalam konteks yang tidak serasi dengan amalan budaya kita kerana mereka tidak ada pahala dosa, dunia akhirat dan halal haram, pada mereka mungkin tidak salah,

ada yang kata kalau nak perniagaan berjaya kena sentiasa menipu, kita pun buat, tipu cukai dan sebagainya.

“Sistem kapitalis seperti ini hanya akan menjerat dan merosakkan umat. Bukan salah orang Barat kalau mereka berfikir mengikut konteks mereka, yang salah adalah kita sendiri kerana kita gagal menseserkannya dengan nilai dan amalan budaya di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Jihad Bisnes Pemangkin Ekonomi Ummah* sempena Seminar Jihad Bisnes anjuran bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D) di Pusat Islam UiTM, di sini hari ini.

Muhammad Ali yang merupakan

Headline	Peniaga jangan amal sistem kapitalis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	6	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	346 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,838
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,514

bekas Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp) berkata, masalah yang dihadapi oleh peniaga Melayu pada hari ini adalah terlalu mudah menceduk budaya berniaga Barat yang akhirnya melemahkan kekuasaan mereka dalam dunia perniagaan.



**MUHAMMAD ALI HASHIM**

“Tanpa disedari jika difikirkan ada orang Melayu yang berniaga dengan cara yang boleh membawa kemudaran kepada bangsa sendiri.

“Kemudaran itu akan membawa kesan yang besar hingga akan merosakkan jiwa, lebih-lebih lagi kalau kita ceduk cara orang barat berniaga, orang kata liberalisasi dan sebagainya lalu kita ikut segala-galanya dan ini adalah ancaman dan paling bahaya apabila umat Islam mudah tewas dalam keadaan selesa dan aman,” ujarinya.



**PESERTA** khusyuk mendengar penerangan yang disampaikan oleh ahli panel di Pusat Islam, UITM Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/NOOR ASREKUZAIREY SALIM